

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PEMBUKAAN MALAM PROMOTIONAL
DAN AMAL, DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 20HB. SEPTEMBER, 1985
PUKUL 8.30 MALAM

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,
Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad;

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,
Dato Musa Hitam;

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Dif-Dif Kehormat dan hadirin yang dihormati sekalian;

Saya selaku penaung kepada Majlis yang sungguh bererti ini, dengan penuh sukacita mohon mengucapkan sepatah dua kata sebelum Majlis ini diteruskan.

2. Tujuan Majlis pada malam ini ialah khususnya untuk memperkenalkan sutera Terengganu. Di samping itu pula, diselangi dengan rayuan derma untuk Tabung PEMADAM, Tabung Anak-anak Yatim Angkatan Tentera Malaysia dan Tabung PERKAYA (Persatuan Anak Yatim Terengganu).

3. Sutera Terengganu yang kini sudah sedia untuk diperkenalkan mempunyai sejarah perkembangan yang agak menarik juga. Walaupun beberapa orang pakar 'sericulture' telah memutuskan yang negara kita tidak sesuai untuk industri sutera, namun pada tahun 1972 pihak yang berkenaan

di Negeri Terengganu telah meneruskan penyelidikan 'sericulture'¹ atau perusahaan sutera ini. Sudah tentu pelbagai pengalaman, kejayaan dan kegagalan telah dialami. Dua belas tahun kemudian -- pada malam ini, para hadirin sekalian dengan sendirinya akan menyaksikan hasil daripada usaha yang gigih itu - melalui satu pertunjukkan fesyen. Saya percaya para hadirin sekalian akan merasa bangga dengan hasil yang telah dicapai setakat ini. Sesungguhnya ia adalah satu bukti yang negara kita ini - rakyat kita ini - boleh menghasilkan pelbagai barangan andainya ada minat dan sanggup berusaha untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Kalau pada bulan lepas, Y.A.B. Perdana Menteri telah memperkenalkan PROTON SAGA sebagai satu-satunya industri baru bagi Malaysia, pada malam ini izinkan saya pula memperkenalkan satu industri lagi - industri sutera - yang mula menunjukkan potensinya. Saya percaya dengan usaha yang gigih oleh pihak pengusaha dan sambutan serta sokongan daripada orang ramai industri sutera ini akan mencapai kejayaan.

5. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Suterasemai Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ikhtisas Negeri Terengganu, khasnya kepada En. Nik Yusoff kerana ketekunan dan kegigihannya menjayakan perusahaan industri sutera ini.

G. Saya juga ingin merakarkan ribuan terima kasih kepada para dermawan yang telah dan akan menghulurkan derma kepada tabung-tabung yang wajar menerima bantuan daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kepada semua yang telah sudi hadir pada malam ini diucapkan berbilang terima kasih. Kejayaan Majlis ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terima kasih.